

DATE: 18/9/2010

Hab pasang kereta perlu kajian telus

BH-18/09/2010

KERAJAAN perlu menilai secara terperinci sebelum meluluskan permohonan lima syarikat automotif asing yang mahu menjadikan Malaysia hab pemasangan kereta teknologi hijau masing-masing di rantau ini bagi memastikan ia tidak hanya menguntungkan sebelah pihak, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau menegaskan, cadangan syarikat automotif asing berkenaan perlu diperhalusi demi menjaga kepentingan industri automotif tempatan serta kesannya terhadap syarikat tempatan yang terbabit bidang berkenaan.


Katanya, ini kerana jika permohonan itu diluluskan, syarikat automotif asing itu bakal menikmati keistimewaan ditawarkan kerajaan, sedangkan syarikat automotif tempatan berdepan pelbagai kekangan untuk mengembangkan pelaburan mereka di luar negara.

"Kita tidak perlu tunduk kepada tuntutan syarikat luar negara, sebaliknya yang penting adalah menjaga kepentingan industri

automotif tempatan," katanya mengulas laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sedang menilai permohonan lima syarikat automotif asing yang berminat menjadikan Malaysia sebagai hab pemasangan kereta teknologi hijau di rantau ini.

Laporan sebelum ini menyebut MIDA sedang menilai permohonan lima syarikat automotif asing dari Jepun, Korea Selatan, India dan China yang berminat menjadikan Malaysia hab pemasangan kereta teknologi hijau masing-masing di rantau ini termasuk membangunkan pusat pemasangan kenderaan elektrik dan hibrid dengan anggaran pelaburan mencecah berbilion ringgit.

Ketua Pengarah MIDA, Datuk Jalilah Baba dilaporkan, berkata selaras Dasar Baru Automotif negara, syarikat automotif terbabit hanya akan dibenarkan mengeluarkan kereta dengan kapasiti melebihi 1,800cc, bagi memastikan ia tidak memberikan saingan kepada kereta nasional, khususnya Proton dan Perodua.



Dr Mahathir Mohamad

Sementara itu mengulas cadangan supaya Proton Holdings Bhd mewujudkan kerjasama strategik bagi mengukuhkan kedudukan serta daya saingnya, Dr Mahathir berkata pengeluar kereta nasional itu tidak terdesak untuk melakukannya kerana sudah memiliki daya saing yang baik serta kedudukan kewapangannya juga membanggakan.

Beliau yang juga penasihat Proton berkata, selepas lebih 25 tahun penubuhannya, pengeluar kereta nasional itu sudah memiliki beberapa kejayaan membanggakan dalam teknologi dan keupayaan menghasilkan kereta yang dapat membantunya mengurangkan kos kira-kira satu perempat berbanding di Jepun dan negara Eropah.

"Buat masa ini Proton tidak terdesak untuk mencari rakan kongsi strategik dan kini dalam proses penstrukturan semula yang mana selepas itu ia akan menilai kedudukan asetnya serta kemungkinan mewujudkan kerjasama mudah dengan syarikat automotif lain," katanya.